

PENILAIAN TERHADAP PENGUKURAN KEMISKINAN DALAM PERSPEKTIF MULTIDIMENSI. SEBUAH KAJIAN KES TERHADAP PELAJAR B40 MISKIN DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

EVALUATION OF MEASUREMENT POVERTY IN MULTIDIMENSIONAL PERSPECTIVE. A CASE STUDY ON POOR B40 STUDENTS OF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Muhd AlNaufal Bin Abdul Rahman¹
Parthiban S Gopal²

¹Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
(E-mail:naufalrahman12@student.usm.my)

²Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
(E-mail:parthi@usm.my)

Article history

Received date : 18-6-2022
Revised date : 19-6-2022
Accepted date : 30-6-2022
Published date : 14-7-2022

To cite this document:

Abdul Rahman, M. A., & S Gopal, P. (2022). Penilaian Terhadap Pengukuran Kemiskinan Dalam Perspektif Multidimensi. Sebuah Kajian Kes Terhadap Pelajar B40 Miskin Di Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(15), 43 - 63.

Abstrak: Kemiskinan merupakan isu subjektif dan perlu didefinisikan secara multidimensi dengan mengambil kira faktor kemanusiaan seperti keperluan asas, kemampuan dan pendidikan. Teori keupayaan merupakan satu kefahaman untuk memahami kebebasan setiap orang dalam mempraktikkan hak-hak mereka dan mencapai tahap kehidupan sejahtera. Mahbub Ul Haq dan Amartya Sen telah menjadikan faktor kemanusiaan sebagai teras dalam memahami isu kemiskinan, lantas memberi gambaran yang lebih menyeluruh dalam pentafsiran kemiskinan, pengukuran dan pembasmian kemiskinan. Kemiskinan perlu dinilai secara multidimensi supaya memberi kesan yang efektif pada program pembasmian kemiskinan. Hal ini berlainan pula bagi pengukuran kemiskinan unidimensi melihat aspek pendapatan sebagai faktor kemiskinan. Pengukuran kemiskinan unidimensi mempunyai banyak kelemahan, ia mesti diganti dengan pengukuran kemiskinan multidimensi. Oleh itu kajian ini akan menelusuri perbezaan antara pengukuran kemiskinan unidimensi dan pengukuran kemiskinan multidimensi dan kepentingan dalam menggunakan Indeks Kemiskinan Multidimensi terhadap pembuatan polisi. Kajian melihat keberkesanan IKM berbanding pengukuran kemiskinan unidimensi terhadap pelajar B40 Universiti Sains Malaysia, USM, Pulau Pinang melalui kajian rintis. Oleh itu seramai 25 orang pelajar B40 USM dari kampus induk Pulau Pinang telah dipilih untuk menjawab borang soal selidik. Kesimpulannya, IKM mampu menggambarkan kedua-dua ketersisihan pelbagai dimensi (pelajar B40 USM yang tersisih dalam semua aspek kehidupan) dan intensiti kemiskinan pelajar B40 USM (beberapa batas ketersisihan yang dialami secara purata pada sesuatu masa) baik secara keseluruhan dan secara individu.

Kata Kunci: *Indeks Kemiskinan Multidimensi, Kemiskinan pelajar B40 USM, Pengukuran Miskin multidimensi dan unidimensi, Kajian Rintis*

Abstract: *Poverty is a subjective issue and need to be defined multidimensionally on capability of individuals. Capability theory is about freedom of every person in practicing their rights and achieving a prosperous standard of living. Mahbub Ul Haq and Amartya Sen have placed the human factor in understanding the issue of poverty, thus providing a more multidimensional picture in the interpretation, measurement and eradication of poverty. Multidimensional poverty measurement bring positive impact on poverty eradication programs. This differentiate from unidimensional measure of poverty seeing income as the main factor of a person being poor. Unidimension poverty measurement have a lot of weakness, hence it must be replace by multidimension poverty measurement. Therefore, this study will explore the differences between unidimensional poverty measurement and multidimensional poverty measurement and the importance in Multidimensional Poverty Index (MPI) to policy making. This study will look at the effectiveness of MPI compared to unidimensional poverty measurement in measuring poverty for B40 students of Universiti Sains Malaysia, Penang on pilot study. MPI is able to identify the poorest poor or acute poverty. Therefore, a total of 25 B40 USM students from the main campus of Penang were selected to answer the questionnaire by measuring based on perspectives at home and university. In conclusion, MPI is able to describe both multi-dimensional marginalization (B40 USM students who are excluded in all aspects of life) and the intensity of poverty of B40 USM students (several limits of marginalization experienced on average at a time) both as a whole and individually.*

Keywords: *Multidimensional Poverty Index, Poverty of USM B40 students, Multidimensional and unidimensional poverty measurement, Pilot Study*

Pengenalan

Konsep kemiskinan merupakan konsep yang kerap di bincangkan oleh pakar ekonomi kerana isunya terlalu luas dan subjektif. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada kemiskinan seperti politik, ekonomi, sosial dan budaya. Seringkali kemiskinan didefinisikan berdasarkan pendekatan unidimensi dengan hanya melihat pendapatan sahaja. Hal ini kerana definisi kemiskinan berdasarkan pendapatan adalah satu pendekatan yang sangat sempit kerana pendapatan tidak mendedahkan secara keseluruhan tentang individu yang miskin (Samson, 2021). Malah pendekatan pengukuran kemiskinan unidimensi juga gagal dalam mengenalpasti norma hidup sebenar orang miskin serta tahap ketersisihan (*deprivation*) yang mereka hadapi (Monaansingh, 2019).

Menurut *United Nation Scientific Organization* (UNESCO) kemiskinan perlu dilihat berdasarkan pengukuran kemiskinan multidimensi untuk mendalami realiti kemiskinan yang dihadapi oleh individu atau isirumah seperti tempat tinggal, kesihatan, hak asasi dan pendidikan (UNESCO, 2016). Kemiskinan multidimensi memerlukan satu pengukuran kemiskinan yang mampu untuk mengenalpasti kemiskinan secara tepat dan mendalam. Kemiskinan menurut Sen ialah keupayaan yang dikekang disebabkan bukannya apa yang individu itu miliki atau perolehi tetapi keupayaan individu untuk mencapai sesuatu perkara sebagai contoh mampu mengakses kemudahan pendidikan yang akan memberi peluang terhadap individu untuk keluar daripada kemiskinan (Talib, 2016). Pengukuran kemiskinan multidimensi lebih menunjukkan hubungkait antara semua aspek yang menyebabkan seseorang itu miskin seperti kesihatan,

persekolahan, keadaan taraf hidup, dan psikologi agar kemiskinan dapat difahami dengan lebih menyeluruh (Ferro-Luzzi et al, 2006).

Pengukuran kemiskinan yang berkonsepkan multidimensi adalah Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM) yang diperkenalkan oleh *Alkire-Foster, Oxford Poverty and Human Development Initiative* pada tahun 2010 sebagai penambahbaikan daripada pengukuran kemiskinan yang terdahulu seperti Indeks Kemiskinan Manusia (*Human Poverty Index*) dan Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index*)¹. Indeks Kemiskinan Multidimensi mempunyai fungsi mengukur kemiskinan terhadap individu yang tersisih berdasarkan tiga dimensi iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup serta jumlah indikator ketersisihan yang dihadapi oleh individu. Kelebihan IKM juga dapat mengukur melalui kategori demografi yang berbeza seperti daerah, etnik, pelarian dan sebagainya (Department Of Economic And Social Affairs, 2015).

Data yang diperoleh daripada pengukuran IKM berfungsi memisahkan golongan yang miskin ke dalam kategori yang berbeza bagi memudahkan pembuat dasar untuk merangka kaedah program pembasmian (Moonansingh et al, 2019). Oleh itu kajian ini akan menggunakan IKM terhadap pelajar B40 Universiti Sains Malaysia (USM) bagi mengenalpasti intensiti kemiskinan, kepentingan IKM terhadap pembuatan polisi dan perbezaan antara pengukuran kemiskinan multidimensi dan pengukuran kemiskinan unidimensi.

Pendekatan Kemiskinan Unidimensi

Tafsiran kemiskinan berasaskan pendekatan pendapatan telah wujud sejak abad ke 1800-an lagi. Kajian awal dimulakan oleh Rowntree di York, England pada tahun 1899. Menurut Rowntree kemiskinan ialah sebagai ketidaktentuan dari segi pendapatan isirumah untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian (Rowntree, 1901). Kekurangan dalam sumber keperluan dikalangan orang miskin menyebabkan mereka tidak berupaya untuk melibatkan diri dengan aktiviti harian seperti pendidikan, pekerjaan dan sebagainya (Townsend, 1979).

Tafsiran kemiskinan melalui perspektif ekonomi mempunyai dua konsep yang umum iaitu kemiskinan mutlak, kemiskinan relatif, keluk Lorenz dan Nisbah Penumpuan Gini-agihan pendapatan (ketaksamaan/inequality). Pekali Gini merupakan pemusatan pendapatan berdasarkan keluk Lorenz berfungsi mengukur kesaksamaan dalam agihan pendapatan. Manakala kemiskinan mutlak adalah berlandaskan tingkat pendapatan isi rumah yang lebih rendah daripada kadar minimum PGK yang diperlukan untuk mencapai kehidupan yang selesa dan memenuhi keperluan hak asasi. Kemiskinan mutlak mempunyai kaitan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan dibawah PGK dikategorikan sebagai miskin mutlak. Manakala kemiskinan relatif pula adalah pengukuran pendapatan isirumah dibandingkan dengan keadaan taraf hidup yang ditetapkan oleh masyarakat (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Antara kajian awal yang dilakukan oleh sarjana tempatan seperti Profesor Diraja Ungku Aziz telahpun menggunakan indeks sarong untuk dijadikan petunjuk dalam mengukur kadar kemiskinan terhadap orang Melayu pada tahun 1950-an dan 60-an (Johan, J. 2020). Indeks


¹ Maria, E. S., & Sabina, A. (2011). Training Material For Producing National Human Development Reports. MPI: Construction And Analysis. Oxford: Oxford Poverty And Human Development Initiative.

sarong ini merujuk kepada kemampuan seseorang yang miskin untuk memiliki sarong di kawasan pedalaman Malaysia di mana majoriti bangsa Melayu ketika itu tinggal, seperti di Kelantan dan Terengganu. Pengiraan Indeks sarong bahagikan jumlah isirumah yang memiliki sarong dan jumlah isirumah yang berumur lebih dari satu tahun (Rajah et al., 2015). Kajian beliau terhadap kemiskinan menggunakan indeks sarong adalah sumbangan beliau dalam membentuk kriteria ukuran kemiskinan (Othman & Hamidi, 2019). Walaubagaimanapun penggunaan indeks sarong didapati tidak praktikal dan akhirnya tidak lagi digunakan dalam mengukur kemiskinan (Mohamed, et al. 2011).

Pengukuran Kemiskinan Unidimensi Malaysia

Pendekatan dalam mengukur kemiskinan berdasarkan pendapatan telah lama dijadikan sebagai kajian di Malaysia sejak pasca merdeka lagi. Malaysia telah menggunakan PGK sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan pada tahun 1970 serta memberi keutamaan dalam pembasmian kemiskinan. Terdapat dua komponen pada PGK Malaysia iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. Maklumat bagi nilai PGK makanan dikutip melalui keperluan kalori isirumah yang ditentukan manakala bagi nilai PGK bukan makanan pula berdasarkan kepada bentuk perbelanjaan isirumah dan keperluan asas isirumah yang dikutip melalui Survei Perbelanjaan Isi Rumah (*Household Survey Expenditure*). Terdapat tiga kategori miskin PGK iaitu miskin mudah terancam, miskin biasa dan miskin tegar. Miskin biasa bermaksud seluruh pendapatan isirumah berada dibawah paras nilai PGK manakala isirumah yang berada dibawah paras nilai PGK makanan dikategorikan sebagai miskin tegar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Miskin mudah terancam pula adalah isirumah yang berpendapatan rendah yang mudah terdedah dengan miskin seperti kemarau, wabak pandemik, dan sebagainya (Jafar, A. et al, 2021).


Kaedah pengukuran pada awalnya semasa Dasar Ekonomi Baru dibentuk adalah berlandaskan Insiden kemiskinan ataupun PGK. Peratus golongan miskin pada tahun 1970 sebanyak 49.3% adalah sangat tinggi ekoran pentadbiran penjajah Britain namun ia telah menurun kepada 0.4% pada tahun 2016 seperti yang ditunjukkan pada rajah 1 di bawah (Ministry of Economic Affairs, 2018). Kesan dari penetapan dasar afirmatif DEB menyebabkan angka golongan miskin telah menurun di Malaysia.



Rajah 1: (Insiden Kemiskinan Mutlak Malaysia)

Sumber: Ministry of Economic Affairs (2018)

Namun begitu kadar kemiskinan Malaysia dikritik oleh Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Philip Alston kerana kadar kemiskinan sebanyak 0.4 peratus pada tahun 2019 adalah terlalu kecil dan tidak menunjukkan realiti kemiskinan yang berlaku di Malaysia (Zanariah, 2019). Kadar kemiskinan PGK yang telah digunakan berdasarkan metodologi PGK 2005. Hal ini menyebabkan kerajaan Malaysia telah menetapkan balik kadar pengukuran PGK sebanyak RM2208 melalui metodologi PGK 2019 seperti diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 10 Julai 2020 bagi memastikan ia mengikut arus semasa seperti inflasi dan kenaikan kos sara hidup (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020). Oleh sebab itulah pada rajah 1 di bawah tahun 2019 insiden kemiskinan mengalami sedikit peningkatan kepada 5.6%.



Rajah 2: (Insiden Kemiskinan Mutlak Malaysia)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

Pengukuran kemiskinan unidimensi mempunyai kelemahan kerana mempunyai masalah untuk mengukur kemiskinan secara mendalam sedangkan isu kemiskinan adalah multidimensi (Walker, R, 2015).

Pengukuran Pekali Gini

Manakala Pekali Gini merupakan indeks untuk mengukur ketidaksamaan dalam agihan pendapatan. Menurut Stiglitz (2016) ketidaksamaan dari segi pendapatan akan mewujudkan masalah kepada perkembangan ekonomi di mana ia akan melemahkan permintaan ataupun kuasa membeli oleh individu pendapatan rendah kerana menggunakan seluruh dari pendapatannya untuk memenuhi keperluan asas. Pekali Gini merupakan ukuran penumpuan pendapatan berlandaskan Keluk Lorenz (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Keluk Lorenz diukur dengan memplot peratus kumulatif pendapatan yang diperoleh oleh isirumah pada paksi Y dan isi rumah pada paksi X. Nilai Pekali Gini sifar (0) menunjukkan agihan pendapatan yang saksama manakala nilai hampir ke satu (1) pula agihan pendapatan yang tidak saksama. Kadar Pekali Gini di Malaysia menunjukkan jurang pendapatan antara kaum telah meningkat dan melebar antara isirumah, hal ini boleh dilihat kumpulan pendapatan tinggi T20 mengalami peningkatan dari segi pendapatan berbanding kumpulan pendapatan tengah M40 dan kumpulan pendapatan rendah B40. Ia disebabkan agihan pendapatan tidak saksama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Ketidaksamaan mempunyai pelbagai bentuk seperti aspek ekonomi, sosial, budaya, sosial dan politik (Stewart, F., 2010). Di mana negara maju juga tidak terkecuali dari

masalah ketidaksamaan dalam pendapatan. Agihan pendapatan yang saksama akan mewujudkan masyarakat yang adil dan terhindar dari berlakunya sebarang isu seperti perkauman, perang saudara dan sebagainya

Terdapat kelemahan pada Pekali Gini iaitu tidak dapat mengenalpasti apakah kaedah berkesan untuk merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Selain itu kelemahan Pekali Gini juga tidak mampu untuk membezakan pelbagai jenis jurang yang berlaku kerana hanya mengukur agihan pendapatan sahaja. Manakala kelemahan dalam relatif kemiskinan mengabaikan konsep aspek-aspek seperti kemudahancaman dan pengasingan sosial (Jamil & Mat, 2014).

Kelemahan Pengukuran Kemiskinan Unidimensi

Mengikut Parthiban (2018) pengukuran berasaskan pendekatan pendapatan mempunyai limitasi, kerana pendekatan tersebut tidak mengambil kira faktor-faktor bukan pendapatan yang mempengaruhi kadar ketersisihan seseorang individu tersebut. Tambahan pula kaedah menasarkan (targeting) dengan menggunakan pengukuran kemiskinan unidimensi yang berdasarkan pendapatan akan memberi kesan pada program basmi kemiskinan yang juga akan memfokuskan pada pendapatan sahaja (Parthiban, 2018). Selain itu jika PGK ditetapkan satu ukuran kadar pendapatan yang sangat rendah terutamanya di kawasan bandar maka hal ini akan mewujudkan pengukuran kemiskinan yang kurang tepat. Seperti yang sedia maklum bahawa pendapatan miskin bandar adalah berbeza dengan miskin di luar bandar. Garisan kemiskinan juga boleh dimanipulasi untuk kepentingan pihak tertentu seperti meletakkan garisan kemiskinan yang sangat rendah menyebabkan golongan miskin yang sepatutnya dikenalpasti sebagai golongan yang tersisih tidak layak untuk menerima bantuan (Satterthwaite, D., 2004) Justeru itu PGK perlu ditetapkan seiring dengan kadar inflasi agar sesuai dengan kadar pendapatan masyarakat. Menurut Muhammad Yunus (2007) seseorang yang miskin secara dasarnya disebabkan pelbagai faktor multidimensi yang mempengaruhi kemiskinan tersebut. Oleh sebab itulah kemiskinan perlu dilihat pada pengukuran yang lebih menyeluruh agar ia lebih menggambarkan realiti kemiskinan di Malaysia.

Kebergantungan pada pengukuran pendapatan bukanlah pendekatan yang baik untuk menilai kemiskinan kerana pengukuran kemiskinan yang berasaskan pendapatan tidak memberi gambaran yang penuh berkenaan kompleksiti kemiskinan sebagai contoh sebuah isirumah dikategorikan sebagai tidak miskin berdasarkan ukuran PGK tetapi mengalami ketersisihan (*deprivation*) pada aspek lain seperti kesihatan, pendidikan, taraf hidup dan faktor kemanusiaan yang lain (Rachel, 2019).

Pengukuran kemiskinan yang betul akan dapat mengenalpasti siapakah yang benar-benar miskin agar bantuan kemiskinan dapat di salurkan kepada individu yang sepatutnya.

Pengukuran Kemiskinan Pelbagai Dimensi

Berdasarkan perbincangan di atas pengukuran kemiskinan unidimensi ini mempunyai kelemahan tersendiri. Justeru, perlunya ada pendekatan pengukuran alternatif yang lebih tepat lagi berorientasikan pelbagai dimensi dalam mengukur kemiskinan. Disebabkan pentafsiran kemiskinan bukan sahaja terhad pada perspektif material ataupun ekonomi, tetapi termasuk faktor bukan material seperti tekanan yang dialami oleh individu miskin seperti penindasan, tidak berdaya, harga diri yang rendah, tidak bermotivasi, mempunyai sikap pasrah dan redha (Yaacob, 2009). Sealiran dengan kenyataan tersebut Deepa et al, (1999) juga turut berpendapat dalam bukunya 'Voices of the poor', konsep kemiskinan merupakan satu fenomena yang multidimensi. Hal ini kerana definisi kemiskinan berbeza mengikut jantina, umur, budaya dan

sebagainya. Oleh sebab itulah definisi kemiskinan menurut Amartya Sen terhadap teori keupayaannya ‘*capability theory*’ seseorang itu mencapai kesejahteraan hidup apabila dapat menjalani kehidupan dengan normal yakni merujuk pada keupayaan individu (Knecht, 2012). Kaedah secara langsung dalam mengenalpasti kemiskinan menurut Sen (1981) ialah menilai ketersisihan manusia berdasarkan tahap minima keperluan asas dan keupayaan individu miskin dan bukannya pada aspek pendapatan.

Kaedah secara langsung merupakan pengukuran kemiskinan yang berlandaskan pada aspek kemanusiaan seperti Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index*), Indeks Kemiskinan Manusia (*Human Poverty Index*) dan Indeks Kemiskinan Multidimensi (*Multidimensional Poverty Index*).

Indeks Pembangunan Manusia (HDI)

Indeks Pembangunan Manusia (HDI) ialah pengukuran yang menganalisis pembangunan sosial serta ekonomi negara dan mempunyai empat pemboleh ubah iaitu jangka hayat kelahiran, kadar celik huruf, kadar penyertaan pelajar pada pendidikan rendah dan pendapatan negara kasar (*Gross National Index*) per kapita (Sonia & Doris, 2011). HDI diasaskan oleh Mahbub Ul Haq dalam penerbitan Laporan Pembangunan Manusia (*Human Development Report*) terhadap Program Pembangunan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) pada tahun 1990 yang berperanan dalam membantu semua pihak seperti pembuat dasar, pihak swasta dan persatuan bukan kerajaan (NGO) dengan menekankan pembangunan manusia. Matlamat pembangunan manusia ialah memberi kebebasan kepada masyarakat dengan mempunyai pelbagai aspek penting seperti hidup lebih lama, kesihatan yang baik, berpendidikan dan mempunyai sumber untuk memenuhi keperluan hidup yang sejahtera (Sanjaya, 1998). HDI Malaysia pada tahun 2019 meningkat ke tangga teratas bersama-sama negara maju yang lain seperti Norway dan sebagainya. Peningkatan pada tangga teratas dalam HDI Malaysia bermaksud jangka hayat lahir semasa bayi telah meningkat ke 5.3 tahun, tahun penyertaan persekolahan oleh pelajar juga meningkat diikuti oleh KDNK negara yang telah meningkat sebanyak 177.3 peratus. Fokus Malaysia dalam pembangunan negara ialah mengutamakan pembangunan manusia sebagai teras untuk mencapai pembangunan yang mampan beserta pembangunan ekonomi (United Nation, 2020). Walaupun HDI merupakan pengukuran manusia yang memfokuskan pada aspek kemanusiaan namun begitu terdapat kelemahan kerana hanya terhad pada aspek sosioekonomi sahaja dan tidak pada politik. Malah Hicks (1997) mengkritik HDI tidak mengambil kira indikator seperti jurang pendapatan yang berlaku dalam negara dan ketidaksamaan gender. Selain itu 87 negara kurang membangun mempunyai masalah tiada data berkenaan indikator di dalam HDI iaitu jangka hayat hidup. Indikator seterusnya iaitu celik huruf juga mengalami masalah yang sama tiada data sejak tahun 1970 dan setiap negara mempunyai definisi dan pengukuran yang mengukur celik huruf yang berbeza (Bagolin, 2004). Hal ini akan mewujudkan kesukaran dalam mengukur kemiskinan di sesebuah negara.

Indeks Kemiskinan Manusia (HPI)

Pengukuran seterusnya adalah Indeks Kemiskinan Manusia (*Human Poverty Index*) yang digunakan dalam Laporan Pembangunan Manusia (*Human Development Report*) sejak tahun 1997 sehinggalah pada tahun 2009 untuk mengukur kemiskinan dan pembangunan manusia di seluruh negara. Indikator yang digunakan untuk mengukur kemiskinan adalah pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. HPI juga ada kelemahannya iaitu ia tidak mengukur pada peringkat individu dan isirumah (Rohwerder, 2016). Oleh sebab itu HPI telah digantikan dengan IKM yang memberi fokus kepada tahap individu dan isirumah yang mengalami ketersisihan (*Deprivation*) dari tiga dimensi iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup.

Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI)

IKM mengukur kemiskinan dari segi insiden kemiskinan atau jumlah individu yang mengalami ketersisihan dari pelbagai aspek dan keperitan (*intensity*) kemiskinan yang dihadapi oleh individu. Individu yang miskin multidimensi mempunyai skor IKM dengan mengambil kira dimensi dan indikator menghampiri 1 (Maria & Sabina, 2011). Terdapat beberapa kelebihan dalam menggunakan IKM iaitu kemiskinan dilihat pada aspek ketersisihan, kedua bebas dalam menentukan pemberat yang berbeza ataupun sama terhadap setiap pilihan dimensi yang dibuat. Ketiga efektif dalam mengenali seseorang yang termiskin dalam golongan miskin dengan meningkatkan agregat titik pemisah, keempat pula mampu membantu pembuat dasar dalam mengenalpasti dimensi kemiskinan yang tersisih dalam kumpulan masyarakat atau sesuatu kawasan yang ingin dikaji. Sebagai contoh isirumah yang mengalami ketersisihan pada dimensi taraf hidup perlu diberi bantuan memfokuskan pada taraf hidup seperti perumahan yang baik, tandas yang dinaiktaraf, dan sebagainya (Alkire & Foster, 2007).

Selain itu IKM boleh kategorikan demografi mengikut negeri, kumpulan, isirumah, individu dan etnik dengan melihat yang mana termiskin antara kategori tersebut (Caroline & Stephan, 2014). Pada konteks Malaysia, IKM mula diperkenalkan pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11). IKM Malaysia mempunyai empat dimensi iaitu pendapatan, pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Skor IKM Malaysia telah menurun dari 0.0152 untuk tahun 2016 ke 0.0110 untuk tahun 2019. Antara indikator yang tersisih yang menunjukkan peratusan tinggi ialah 13.3 % iaitu kutipan sampah, 9.5 % kepadatan bilik, 6.5%, akses kemudahan kesihatan dan pendapatan bulanan kasar isi rumah iaitu sebanyak 5.6%. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Kepentingan IKM Terhadap Polisi Pembasmian Kemiskinan

Pengukuran kemiskinan IKM boleh dijadikan sebagai model dalam membentuk pengukuran kemiskinan IKM sesebuah negara. Alkire dan Santos (2010) menyatakan kelebihan pengukuran kemiskinan IKM adalah sebagai pelengkap kepada pengukuran kemiskinan PGK iaitu dengan mengambil kira dimensi kemanusiaan sebagai sudut utama untuk meningkatkan keupayaan, potensi individu, menilai keberkesanan program pembasmian kemiskinan, meningkatkan tahap dalam mengenalpasti kemiskinan, dan memantapkan lagi program pembangunan kemiskinan. IKM juga dapat membantu dalam mengenalpasti hubungan dari pelbagai aspek yang menyumbang kepada situasi ketersisihan (*deprivation*) terhadap orang miskin dan sekaligus dapat memantapkan lagi dalam mengagihkan sumber ke tempat yang sepatutnya. Malah penyelarasan setiap agensi dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam dalam program pembasmian kemiskinan dapat dilakukan agar setiap dimensi kekurangan yang dihadapi oleh golongan miskin dapat dibasmi. Indikator dan dimensi IKM juga adalah fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut konteks tempatan sebagai contoh indikator di miskin bandar dan luar bandar adalah berbeza. IKM juga adalah sebagai satu alat untuk memantau tahap kemiskinan di seluruh negara dan ia juga bernaung di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menekankan tiada siapa yang akan tertinggal dari pembangunan (Alkire & Jahan, 2018). Selain itu penilaian analisis kemiskinan multidimensi membantu penyelidik untuk mengetahui jumlah ketersisihan (*deprivation*) yang dihadapi oleh seseorang pada masa yang sama jumlah ketersisihan yang terkait antara satu sama lain (Alkire et al., 2015).

Ketersisihan Selain Pendapatan

Kajian dari Ha Le et al (2015) menggunakan IKM terhadap isirumah di Vietnam mendapati majoriti golongan dalam kategori bukan miskin pendapatan adalah miskin multidimensi dibandingkan isirumah yang miskin multidimensi tetapi miskin pendapatan. Selain itu terdapat kajian dari Seyed et al (2019) menggunakan IKM terhadap kanak-kanak di Iran mendapati dimensi kemiskinan yang paling tinggi adalah taraf hidup berbanding dua dimensi yang lain iaitu kesihatan dan pendidikan. Menurut Santos & Alkire (2011) IKM berupaya untuk mengukur bentuk ketersisihan individu yang miskin dari pelbagai dimensi. Aspek setiap kemiskinan jika dihubungkan maka isu miskin boleh dilihat secara menyeluruh. Menurut Sen (2000) kemiskinan mempunyai pelbagai jenis ketersisihan yang perlu disesuaikan dalam kerangka yang menyeluruh ataupun pada perspektif yang multidimensi. Kajian seterusnya adalah penempatan luar bandar Nigeria mendapati dimensi taraf hidup IKM menunjukkan kemiskinan multidimensi isirumah yang paling tinggi iaitu sebanyak (59.9%) diikuti dengan dimensi pendidikan (14.3%), kesihatan (13.4%) dan aset sebanyak (12.4%). Oleh itu penempatan luar bandar di Nigeria memerlukan polisi pembasmian kemiskinan yang mengutamakan taraf hidup di luar bandar (Joshua et al, 2017). Perspektif kemiskinan yang melihat pada aspek selain pendapatan akan mempengaruhi program pembasmian kemiskinan untuk membasmi kemiskinan secara tepat. Kajian seterusnya dari Khairi et al. (2018) ialah penilaian menggunakan IKM projek agropolitan di Gahai, Lipis Pahang terhadap 45 responden yang menyertai projek tersebut sejak 2007 dilaksanakan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan, mendapati seramai 5 orang responden dari 45 orang mengalami miskin multidimensi. Apa yang boleh disimpulkan dalam kajian ini projek agropolitan yang berasaskan pertanian mampu untuk membasmi kemiskinan.

Penetapan Definisi Kemiskinan

Oleh itu definisi kemiskinan perlulah dilakukan secara multidimensi beserta pengukuran kemiskinan multidimensi agar program pembasmian juga berkonsepkan multidimensi. Kajian yang terakhir adalah dari Kiran et al. (2011) menggunakan IKM terhadap individu miskin di Afghanistan mendapati setiap daripada mereka mempunyai satu ketersisihan manakala kedua individu yang mengalami miskin kritikal biasanya tinggal di penempatan luar bandar. Oleh itu polisi pada kajian kes ini haruslah memenuhi setiap indikator kerana setiap diantara mereka mengalami satu ketersisihan seperti akses air, sistem sanitasi, pekerjaan, peluang pendidikan, sumber tenaga, kesihatan, dan akses kesihatan mental. Kelebihan menggunakan IKM ini mampu untuk membasmi kemiskinan multidimensi kerana isu kemiskinan semakin kompleks.

Kajian Rintis IKM Pelajar B40 USM

Menyedari kepentingan menggunakan IKM maka satu kajian rintis menggunakan IKM telah digunakan ke atas 25 pelajar B40 Universiti Sains Malaysia (USM) di kampus induk Pulau Pinang untuk memahami kemiskinan pelajar B40 berdasarkan tiga dimensi iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Pelajar B40 USM dipilih kerana pihak Universiti Sains Malaysia (USM) telah menetapkan takrifan kemiskinan B40 baru yang telah dipakai oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi pendapatan keluarga yang kurang dari RM4,360 pada tahun 2019. Malah kumpulan isirumah berpendapatan B40 di Malaysia diklasifikasikan sebagai berpendapatan rendah. Kadar pendapatan RM4,360 yang digunapakai oleh USM juga dijadikan sebagai proses pengambilan kemasukan pelajar B40 baru ke kampus.

Pelajar B40 USM dijadikan fokus dalam kajian ini kerana kurangnya penyelidikan lepas berkenaan ketersisihan pelbagai dimensi yang dihadapi oleh pelajar miskin universiti di Institut Pusat Pengajian Tinggi IPT. Terdapat satu kajian oleh Ibrahim et al (2011) yang dijalankan

terhadap pelajar B40 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Walaupun pelajar B40 USM diberi bantuan oleh pihak universiti dan kerajaan namun masih terdapat kelemahan dalam menyalurkan bantuan kepada pelajar yang lebih memerlukan kerana pelajar miskin menghadapi pelbagai bentuk kemiskinan. Hal ini kerana pelajar miskin B40 USM diukur berdasarkan pendekatan pengukuran kemiskinan unidimensi. Kekurangan (*deprivation*) pada setiap dimensi yang dihadapi oleh pelajar B40 membolehkan ia dikenalpasti secara multidimensi agar program pembasmian kemiskinan dapat dimantapkan.

Setiap pelajar B40 USM akan diukur menggunakan indikator-indikator yang ada di dalam IKM. Setiap indikator terdapat nisbah yang berbeza berfungsi untuk menyingkirkan siapa yang miskin multidimensi dan bukan miskin multidimensi atau ketersisihan. Individu adalah dikategorikan miskin multidimensi jika mengalami ketersisihan (*deprivation*) setiap indikator pada satu dimensi ataupun pada dimensi berbeza. Terdapat tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup dan sembilan indikator pada IKM. Komposisi IKM ini diadaptasi dari komposisi IKM Alkire Foster. Setiap individu ataupun isirumah akan diukur dengan mengenalpasti berapakah penanda aras yang dihadapi. Sebagai contoh sekiranya individu mengalami ketersisihan maka individu tersebut perlu di bawah penanda aras untuk dikategorikan mengalami ketersisihan. Komposisi IKM adalah seperti jadual 2 dibawah:

Jadual 1: (Komposisi IKM – dimensi dan indikator)

Dimensi	Indikator	Penanda Aras Ketersisihan	Pemberat untuk Indikator	
Kesihatan1/3	Nutrisi	Indeks Jisim Badan(BMI) kurang dari 18 KG	1/24=0.041	
	Kekerapan pengambilan makanan (rumah)	Kekerapan pengambilan kurang dari 3 kali sehari (Rumah)	1/24=0.041	
	Kekerapan pengambilan makanan (Universiti)	Kekerapan pengambilan kurang 3 kali sehari (Universiti)	1/24=0.041	
	Makanan tambahan	Tidak mengambil makanan tambahan	1/24=0.04	
	Kesihatan badan		Sekiranya pergi ke hospital melebihi 3 kali dalam masa sebulan (rumah)	1/24=0.041
			Sekiranya pergi ke hospital melebihi 3 kali dalam masa sebulan (Universiti)	1/24=0.041
	Masalah penyakit mental	Menghadapi masalah penyakit mental	1/24=0.041	
	Penyakit kronik	Menghadapi masalah penyakit kronik	1/24=0.041	

Pendidikan 1/3	Kemudahan persekolahan-Laptop	Jika tiada Laptop peribadi	1/15=0.066
	Buku	Jika tidak mampu untuk membeli buku	1/15=0.066
	Kehadiran ke tuisyen atau kelas tambahan(Rumah)	Sekiranya kehadiran ke tuisyen atau kelas tambahan kurang dari 60%	1/15=0.066
	Kehadiran ke kolej/matrikulasi	Sekiranya kehadiran ke kolej atau matrikulasi kurang dari 60%	1/15=0.066
	Kehadiran ke kuliah/tutorial dan aktiviti kokurikulum (Universiti)	Sekiranya kehadiran ke kuliah/tutorial dan aktiviti kokurikulum kurang dari 60%	1/15=0.066
Taraf hidup 1/3	Kemudahan tandas	Jika individu tersebut tinggal di rumah tidak mempunyai pam tandas	1/15=0.066
	Bilik	Terdapat lebih dari 3 orang yang menduduki satu bilik di dalam rumah	1/15=0.066
	Air	Jika individu tinggal di rumah tidak mempunyai kelengkapan paip air	1/15=0.066
	Jenis perumahan	Individu yang tinggal di perumahan yang uzur, rumah jenis tradisional, khemah, dan lain-lain	1/15=0.066
	Aset	Individu menduduki di rumah yang tidak mempunyai melebihi dua (2) aset seperti motokar, kipas, penghawa dingin, televisyen, telefon pintar dan sebagainya	1/15=0.066

Pada jadual 2 di atas menunjukkan dimensi dan indikator ketersisihan dalam IKM. IKM mempunyai tiga dimensi yang mempunyai pemberat yang sama iaitu 1/3. Pada lajur kedua menunjukkan indikator yang mempunyai pemberat seperti ditunjukkan pada lajur yang keempat. Manakala lajur ketiga adalah penanda aras ketersisihan. Pada dimensi pendidikan dan kesihatan akan melihat pada perspektif di rumah dan universiti manakala perspektif di rumah sahaja akan dilihat pada dimensi taraf hidup. Tujuan kedua-dua perspektif ini adalah untuk melihat impak hubungan tersebut kepada pelajar.


Pada dimensi pertama iaitu kesihatan mempunyai indikator nutrisi dengan melihat penanda aras ketersisihan Indeks Jisim Badan (*BMI*) pelajar yang kurang dari 18 KG. Pelajar yang mengalami BMI kurang dari 18KG cenderung untuk menghadapi masalah malnutrisi ataupun ketersisihan zat sekaligus mengganggu sistem kognitif pelajar (Chertoff, M. 2015). Manakala indikator yang seterusnya adalah ingin melihat pengambilan kekerapan makanan di rumah dalam masa satu hari di rumah. Pelajar B40 akan diukur dengan melihat sekiranya pengambilan makanan kurang dari 3 kali sehari. Hal ini juga sama dengan indikator seterusnya iaitu di universiti. Seterusnya adalah indikator pengambilan makanan tambahan dengan mengenalpasti pelajar yang tidak ambil makanan tambahan. Kekurangan dalam pengambilan makanan

tambahan serta diet pelajar akan mengganggu prestasi pelajar. Indikator yang seterusnya adalah kesihatan badan ingin melihat kekerapan pelajar ke pusat kesihatan seperti hospital lebih dari 3 kali dalam sebulan perspektif di rumah dan universiti. Indikator yang seterusnya adalah penyakit kronik dan masalah mental pelajar. Aspek kesihatan berhubungan diantara indikator dengan indikator yang lain.

Pada dimensi pendidikan pula terdiri dari indikator kemudahan persekolahan seperti Laptop yang begitu penting terutamanya pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di mana banyak kaedah pembelajaran hanya boleh diakses melalui atas talian (*Online*). Manakala indikator seterusnya adalah sekiranya individu tidak mampu memiliki buku maka dianggap tersisih (*Deprive*). Indikator yang seterusnya bagi dimensi pendidikan adalah kehadiran ke tuisyen atau kelas tambahan dan kehadiran ke kolej atau matrikulasi pada perspektif rumah tersisih sekiranya kehadiran pelajar kurang dari 60% manakala pada perspektif di unversiti pula iaitu kehadiran ke kuliah atau tutorial dan aktiviti kokurikulum kurang dari 60% adalah tersisih. Pada dimensi yang ketiga iaitu taraf hidup mengambil kira indikator pertama adalah kemudahan tandas iaitu individu yang tinggal di rumah tiada pam tandas adalah tersisih. Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (*WHO*) ketiadaan sistem tandas atau sanitasi yang baik akan menyumbang kepada penyakit seperti taun, pertumbuhan badan yang terbantut dan sebagainya (World Health Organization, 2019). Indikator seterusnya adalah bilik yang mempunyai penghuni lebih dari 3 orang adalah tersisih. Hal ini kerana jumlah penghuni yang melebihi kapasiti bilik akan memberi kesan negatif secara mental dan fizikal individu (World Health Organization, 2018). Indikator yang seterusnya adalah sekiranya tiada kelengkapan paip air akan menyebabkan kesukaran individu tersebut untuk mendapatkan air bersih. Indikator untuk jenis perumahan pula ialah individu yang tinggal di perumahan yang uzur, rumah jenis tradisional, khemah, dan lain-lain dikira sebagai tersisih. Indikator yang terakhir pula adalah individu menduduki di rumah yang tidak mempunyai melebihi dua (2) aset seperti motokar, kipas, penghawa dingin, televisyen, telefon pintar dan sebagainya dikira sebagai tersisih. Aset merupakan satu cagaran kepada individu untuk menyelamatkan daripada jatuh miskin sekiranya berlaku masalah seperti ekonomi jatuh, kemarau dan sebagainya (Azpitarte, F., 2011).

Kerangka Konseptual

Setiap hasil kajian yang lepas, pendekatan teori, definisi konsep dan sorotan karya dirangka dengan membentuk kerangka konseptual. Definisi kata kunci yang penting iaitu merangkumi pelajar berpendapatan rendah B40, kesejahteraan pelajar, kemiskinan multidimensi dan IKM. Sorotan kajian lepas pula adalah kemiskinan multidimensi yang mengambil kira aspek keupayaan seperti kesihatan, taraf hidup dan pendidikan. Kerangka konseptual ini amat penting kerana ia boleh menjadi panduan kepada pengkaji untuk memudahkan proses dalam analisis maklumat penyelidikan. Selain itu ia juga membantu pengkaji untuk menjawab segala persoalan kajian dan objektif kajian berkenaan isu kemiskinan di dalam kalangan pelajar B40 Universiti Sains Malaysia (USM).



Rajah 3: (Kerangka Konseptual Pelajar B40 USM dan Indeks Kemiskinan Multidimensi)

Kerangka konseptual seperti dipaparkan di rajah 2.8 menunjukkan sebuah pengukuran IKM untuk mengukur pelajar B40 USM yang mempunyai pemboleh ubah iaitu tiga dimensi terdiri daripada kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Selain itu tabulasi silang akan digunakan di dalam kajian ini dengan melihat perspektif di rumah dan universiti berdasarkan tiga (3) dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup serta indikator dan sub indikator. Tabulasi silang bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara satu pemboleh ubah dengan pembolehubah yang lain (Ashari et al., 2017). Indikator yang ada dalam kerangka konseptual ini menunjukkan pembolehubah yang dipaparkan secara terperinci dari tiga dimensi utama.

Kerangka konseptual dan penanda aras menunjukkan pengukuran indeks kemiskinan multidimensi diukur terhadap pelajar B40 USM berasaskan aspek pelbagai dimensi iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Oleh itu pengukuran IKM ini berupaya untuk melihat kekurangan ataupun keperitan pelajar akibat kekangan dari tiga dimensi tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengutip data primer dari 25 responden yang terdiri dari pelajar B40 Universiti Sains Malaysia kampus induk melalui kajian rintis. Kajian rintis ini memfokuskan kumpulan kecil dalam pelajar B40 USM seramai 25 orang responden yang dipilih bukan secara rawak dengan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan. Walaupun sampel kajian rintis seramai 25 orang responden ini tidak mewakili populasi dan tidak mencapai jumlah minima mengikut *Central Limit Theorem* sebanyak 30 responden ianya bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan asas untuk kajian yang menyeluruh yang akan dijalankan pada masa depan. Reka bentuk borang soal selidik merangkumi aspek seperti demografi penduduk, kesihatan, pendidikan, taraf hidup dan cadangan. Struktur pada borang soal selidik ini mempunyai 3 bahagian iaitu bahagian A (demografi) Soalan A1 untuk pelajar dan A2 untuk ibu/bapa dan penjaga. Bahagian B adalah maklumat indikator pada dimensi perspektif di rumah manakala, bahagian C adalah maklumat indikator pada dimensi perspektif di universiti. Terdapat 22 soalan tertutup dan 2 soalan terbuka. Menurut kaedah Alkire dan Foster (2007, 2009), setiap dimensi mempunyai indikator yang diberi pemberat yang sama. Selepas pemilihan indikator, penanda aras ketersisihan dan dimensi, IKM akan mengenalpasti sama ada adakah wajar isirumah untuk dikategorikan sebagai miskin ketersisihan (*Deprive*) dalam satu dimensi. Kaedah seterusnya adalah agregatkan ketersisihan setiap isirumah dan menetapkan penanda aras ketersisihan agregat. Penanda aras ketersisihan agregat ialah jumlah minimum indikator isirumah untuk dikategorikan dalam kategori miskin multidimensi ataupun $1/3$ dari pemberat indikator.

Selain itu ujian Cronbach Alpha telah dijalankan terhadap skala Likert borang soal selidik. Jadual 3 di bawah menunjukkan skor Cronbach Alpha:

Jadual 2. (Statistik kebolehpercayaan Cronbach Alpha)

Statistik Kebolehpercayaan

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Berdasarkan Item Standard	Item N
.714	.724	5

Jadual 3 di atas menunjukkan ujian kebolehpercayaan (*reliability*) mempunyai nilai korelasi yang tinggi antara item iaitu sebanyak 0.714. Ujian kebolehpercayaan ini diukur terhadap soalan skala Likert dalam borang soal selidik. Skor ujian kebolehpercayaan yang tinggi maka item yang ada di dalam skala Likert tersebut tidak perlu diubah. Manakala sebaliknya jika ujian kebolehpercayaan adalah rendah maka item di dalam soalan skala Likert perlu diubah.

Instruman Kajian

Pengukuran Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM)

Pengukuran kemiskinan dalam kajian ini menggunakan kaedah Alkire Foster (2011) sebagaimana ditunjukkan formula di bawah:

$$\text{Formula IKM } (M_0) = H \times A$$


Petunjuk formula di atas adalah seperti berikut:

H: Insiden kemiskinan multidimensi

A: Purata Intensiti Ketersisihan Individu Multidimensi

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dimensi IKM merangkumi perspektif di rumah dan universiti. Dimensi pendidikan dan kesihatan merangkumi 2 perspektif iaitu rumah dan universiti manakala taraf hidup hanya 1 perspektif sahaja iaitu rumah. Pada rajah 1 di bawah jumlah ketersisihan tanpa menggunakan pemberat yang dihadapi oleh 25 pelajar B40 USM hanya 12 indikator sahaja ataupun berada di bawah penanda aras ketersisihan indikator. Kajian ini didapati seramai 21 orang pelajar mengalami ketersisihan dari segi tempat untuk menetap. Ketersisihan indikator yang seterusnya adalah seramai 2 orang pelajar B40 USM mengalami masalah akses air iaitu tidak memiliki paip air di rumah. Indikator ketersisihan yang seterusnya adalah 1 orang pelajar memiliki rumah yang mempunyai bilik yang dihuni lebih dari 3 orang manakala seramai 7 orang pelajar mengalami masalah dalam menghadiri kelas tambahan ataupun tuisyen pada perspektif di rumah. Seterusnya adalah seramai 16 orang tidak mampu untuk membeli buku dan 3 orang pelajar tidak mampu untuk memiliki laptop ataupun komputer meja. Indikator yang ke tujuh pula seramai 22 orang pelajar tidak mengambil makanan tambahan manakala seramai 2 orang pelajar mempunyai masalah penyakit mental. Indikator bagi kekerapan pengambilan makanan kurang dari 3 kali sehari di universiti adalah seramai 22 orang pelajar B40 USM dan hanya seramai 1 orang pelajar sahaja yang pergi ke hospital melebihi tiga kali dalam masa sebulan di universiti bagi kesihatan badan. Manakala seramai 20 orang mengalami ketersisihan dalam pengambilan makanan kurang dari tiga kali sehari di rumah. Indikator terakhir adalah Indeks Jisim Badan (BMI) mempunyai 3 orang pelajar yang mengalami berat kurang dari 18 Kilogram.



Rajah 4: (Ketersisihan untuk setiap indikator yang berdimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup)

Namun begitu rajah 4 di atas hanya menunjukkan data yang belum disaring. Kaedah pertama adalah individu dikategorikan sebagai mengalami ketersisihan dalam beberapa indikator dan dimensi. Sekiranya individu yang tidak mengalami ketersisihan maka jumlahnya adalah 0 manakala sekiranya individu itu mengalami ketersisihan dari beberapa indikator dan dimensi maka ia dikira 1. Manakala kaedah seterusnya adalah ingin mengenalpasti individu yang mengalami ketersisihan yang dikategorikan sebagai miskin multidimensi iaitu jumlah pemberat indikator dan dimensi dialami oleh individu. Individu yang mempunyai pemberat indikator bersamaan ataupun lebih dari penanda aras ketersisihan adalah miskin multidimensi iaitu $\frac{1}{3}$ atau 33% dari jumlah pemberat indikator yang dialami. Hanya penanda aras ketersisihan sahaja yang akan dipilih untuk dibahagi dan ditambah dengan pemberat indikator untuk menghasilkan $\frac{1}{3}$ atau 33% dari penanda aras ketersisihan.

$$\text{Insiden kemiskinan multidimensi}(H) = \frac{2}{25} = 0.08$$

$$\text{Purata Intensiti Ketersisihan Individu Multidimensi}(A) = \frac{(0.367*1)+(0.40*1)}{2} = 0.0734$$

$$\text{IKM} = H * A = 0.0136.$$

Jalan kerja di atas menunjukkan pengiraan IKM. Maklumat pertama yang ingin diperolehi adalah insiden individu yang mengalami ketersisihan secara berganda/multidimensi. Pengiraan untuk insiden kemiskinan multidimensi (H) adalah dengan membahagikan jumlah individu yang miskin multidimensi dan jumlah populasi. Kedua adalah intensiti ataupun keperitan ketersisihan purata pemberat setiap indikator yang dihadapi oleh individu miskin multidimensi. Pengiraan untuk purata intensiti ketersisihan individu multidimensi (A) adalah dengan membahagikan skor individu yang telah ditapis (*censored*) dan jumlah individu yang miskin multidimensi. Maka IKM adalah hasil darab insiden kemiskinan multidimensi (H) dan purata intensiti ketersisihan individu multidimensi (A).

Jadual 3. IKM: (Insiden Kemiskinan Multidimensi, Purata Intensiti Ketersisihan Individu Multimensi dan IKM Pelajar B40 USM)

Perspektif di Rumah dan Universiti	Insiden kemiskinan multidimensi (H)%	Purata Intensiti Ketersisihan Individu Multidimensi (A)%	Indeks Kemiskinan Multidimensi ($M0$)
Rumah	$(4/25)$ 0.16	$\frac{(0.467 * 1) + (0.333 * 1) + (0.4 * 1) + (0.467 * 1)}{4}$ 0.417	0.177
Rumah dan Universiti	$(2/25)$ 0.08	$\frac{(0.367 * 1) + (0.40 * 1)}{25}$ 0.0734	0.0136

Pada perspektif di rumah didapati sebanyak 0.16% bersamaan 4 orang pelajari miskin multidimensi daripada 25 orang pelajar yang tersisih manakala bagi purata pula adalah sebanyak 0.417 dan IKM adalah sebanyak 0.177. Ketersisihan yang paling dihadapi oleh mereka adalah indikator tidak memiliki laptop peribadi, tidak mampu membeli buku dan menetap di penempatan seperti pondok, kediaman tradisional, khemah, rumah dan flat kos rendah,

Manakala bagi perspektif di rumah dan universiti menunjukkan didapati hanya 2 orang pelajar B40 USM sahaja yang mengalami ketersisihan secara multidimensi. Nilai IKM pada jadual 5 menunjukkan adalah sebanyak 0.0136 ataupun sebanyak 1.36% bersamaan 2 pelajar B40 USM mengalami miskin multidimensi. Insiden Kemiskinan Multidimensi iaitu jumlah pelajar yang dikategorikan sebagai miskin multidimensi yang mempunyai pemberat nisbah 33% ataupun melebihi 33% adalah sebanyak 0.08%. Hal ini bermaksud mereka berada dalam keadaan miskin kritikal. Ketersisihan yang mereka hadapi sama ada semua indikator dalam satu dimensi ataupun kombinasi indikator dan dimensi yang lain (Alkire & Foster, 2011). Purata Intensiti Ketersisihan Individu Multidimensi adalah sebanyak 0.0734% hal ini boleh dilihat ketersisihan pada indikator yang paling dihadapi oleh mereka iaitu mengalami masalah dalam kekerapan pengambilan makanan kurang dari 3 kali sehari di rumah dan universiti, tidak mengambil makanan tambahan dan indikator seterusnya adalah menetap di penempatan seperti pondok, kediaman tradisional, khemah, rumah dan flat kos rendah, Oleh itu kesemua indikator ini perlu difokuskan dalam membasmi kemiskinan pelajar B40 USM.

Kesimpulan

Kajian rintis yang dijalankan terhadap 25 orang responden adalah tidak mewakili populasi dan jumlah minima *Central Limit Theorem* iaitu sebanyak 30 responden. Hal ini kerana kajian dijalankan bertujuan hanya untuk dijadikan sebagai panduan dan asas untuk kajian baru menyeluruh yang akan dijalankan pada masa depan. IKM mendedahkan ketersisihan pelajar selain pendapatan iaitu indikator mengalami masalah dalam kekerapan pengambilan makanan kurang dari 3 kali sehari di rumah dan universiti, tidak mengambil makanan tambahan dan indikator seterusnya adalah menetap di penempatan seperti pondok, kediaman tradisional, khemah, rumah dan flat kos rendah, Ketersisihan yang dihadapi oleh setiap pelajar B40 USM miskin merupakan satu isu yang perlu diutamakan oleh setiap pihak pembuat dasar dan pemegang taruh dalam membasmi kemiskinan agar ia lebih efektif dan tepat. Hal ini kerana kemiskinan merupakan isu yang multidimensi dan memerlukan langkah yang multidimensi dalam mengurangkan kemiskinan. Pengukuran IKM memberi harapan agar dapat membuka mata semua pihak agar pelajar B40 USM dapat dimantapkan bukan sahaja pada aspek seperti kerohanian, keupayaan, harga diri, keyakinan, pendidikan, taraf hidup dan kesihatan. IKM juga adalah sebagai komplementari dengan pengukuran kemiskinan PGK supaya isu kemiskinan dapat dilihat pada aspek yang lebih menyeluruh.

Penghargaan

Perbincangan dalam artikel ini adalah sebahagian dari dapatan kajian penyelidikan yang bertajuk 'Penilaian Terhadap Pengukuran Kemiskinan dalam Perspektif Multidimensi. Sebuah kajian Kes terhadap Pelajar B40 Miskin di Universiti Sains Malaysia'. Sekalung penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bernombor 203.PSOSIAL6711691. Terima kasih kepada Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO), Universiti Sains Malaysia atas bimbingan semasa proses menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Alkire, S. And Jahan, S. (2018). The New Global MPI 2018: Aligning With The Sustainable Development Goals', HDRO Occasional Paper, United Nations Development Programme (UNDP).
- Alkire, S., & Santos, M. E. (2010). Multidimensional Poverty Index 2010: Research Briefing.
- Alkire, S. Dan Foster, J. 2007. Counting And Multidimensional Poverty Measures, Oxford Poverty &
- Alkire, S., Foster, J. E., Seth, S., Santos, M. E., Roche, J. M., & Ballon, P. (2015). Multidimensional Poverty Measurement And Analysis. Oxford: Oxford University Press.
- Alkire, S. Dan Foster, J. 2007. Counting And Multidimensional Poverty Measures, Oxford Poverty &
- Human Development Initiative OPHI Working Paper 7.
- Alkire, S. Dan Foster, J. 2009. Counting And Multidimensional Poverty Measurement, OPHI Working
- Paper 32. Oxford University: Oxford Poverty & Human Development Initiative.
- Alkire, S., Dan Foster, J. 2009. Counting And Multidimensional Poverty, In Von Braun J. (Ed.) The
- Poorest And Hungry: Assessment
- Azpitarte, F. (2011). Measurement And Identification Of Asset-Poor Households: A Cross-National Comparison Of Spain And The United Kingdom. The Journal Of Economic Inequality, 9(1), 87-110.

- Ashari, B. H., Wibawa, B. M., & Persada, S. F. (2017). Analisis Deskriptif Dan Tabulasi Silang Pada Konsumen Online Shop Di Instagram (Studi Kasus 6 Universitas Di Kota Surabaya). *Jurnal Sains Dan Seni Its*, 6(1), D12-D16.
- Bagolin, Izete. (2004). Human Development Index (HDI)- A Poor Representation To Human Development Approach.
- Chertoff, M. (2015). Protein Malnutrition And Brain Development. *Brain Disord. Ther*, 4(3).
- Caroline, D. & Stephan, K. (2014). The Multidimensional Poverty Index: Achievements, Conceptuals And Empirical Issues. UNDP Human Development Report Office. Retrieved From [Mpi_Dotter_And_Klasen.Pdf \(Undp.Org\)](#)
- Deepa, N., Raj, P., Kai, S., Anne, R., & Sarah, K.S. (1999). *Voices Of The Poor: Can Anyone Hear Us?* New York, Oxford University Press.
- Department Of Statistics Malaysia.(2020 July 10). Household Income & Basic Amenities Survey Report 2019 [Press Release]. Retrieved From <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?R=Column/Pdfprev&Id=Tu00tmrhq1n5tuxhvw0t2vjbxyzz09>
- Department Of Economic And Social Affairs (2015, Oktober 21). Multidimensional Poverty Development Issues No. 3. https://www.un.org/en/development/desa/policy/wess/wess_dev_issues/dsp_policy_03.pdf
- Ferro-Luzzi, G., Y. Fluckiger, & S. Weber. (2006). A Cluster Analysis Of Multidimensional Poverty In Switzerland. Retrieved From <https://doi.org/10.2139/ssrn.918744>.
- Human Development Initiative OPHI Working Paper 7.
- Hatta, Z. A., & Ali, I. (2013). Poverty Reduction Policies In Malaysia: Trends, Strategies And Challenges. *Asian Culture And History*, 5(2), 48.
- Ha Le And Cuong Nguyen And Tung Phung, (2015) "MULTIDIMENSIONAL POVERTY: EVIDENCE FROM VIETNAM", *Economics Bulletin*, Volume 35, Issue 4, Pages 2820-2831
- Hicks, D. A. (1997). The Inequality-Adjusted Human Development Index: A Constructive Proposal. *World Development*. Vol. 25. No. 8 Pp. 1283-1298
- Ibrahim, N. N., Husain, F. N. M., & Rahman, R. A. (2011). The Multidimensional Poverty Index (Mpi) And Its Application In Malaysia: A Case Study Uitm Students, Shah Alam Campus.
- Joshua A. O., Ayantoye, K., & Fanifosi, G. E. (2017). An Analysis Of Multidimensional Poverty And Its Determinants In Rural Nigeria. *Journal Of Development And Agricultural Economics*, 9(11), 303-311.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2017). Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia Issn:2232-1012
- Jamil, N., & Mat, S. H. C. (2014). Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167-177.
- Jafar, A., Geogre, F., Sakke, N., Mapa, M. T., Meri, A., Alimuddin, A. H. and Dinggai, M. S. (2021) "Tanggapan Golongan Miskin Bandar Berhubung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Kota Kinabalu, Sabah", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), pp. 14 - 25. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.999>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Penemuan Utama 2019. Putrajaya Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Johan, J. (2020, Disember 17). Ungku Aziz Ikon Ilmuwan Bangsa. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/115140/PROFIL-DI-SEBALIK-BERITA/Ungku-Aziz-Ikon-Ilmuwan-Bangsa>
- Klasen, S. 2000. "Measuring Poverty And Deprivation In South Africa." *Review Of Income And Wealth* 46 (1): 33-58.

- Knecht, Alban. (2012). Understanding and Fighting Poverty – Amartya Sen’s Capability Approach and Related Theories. *Social Change Review*. 10. 10.2478/scr-2013-0016.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (26 Julai 2020). KPWKMM tambah baik bantuan kebajikan menepati kadar pendapatan garis kemiskinan (PGK) baharu [Kenyataan Media]. Diperoleh dari FINAL KM YBM 26 JULAI 2020.pdf (jkm.gov.my)
- Kiran, H., Jean-Yves, G., & Brigitte, H. (2011). Understanding mountain poverty in the hindu kush-himalayas: Regional report for Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, China, India, Myanmar, Nepal, and Pakistan. International Centre for Integrated Mountain Development (ICIMOD).
- Khairi Ismail, M. ., Siwar, C., & Ghazali, R. (2018). Gahai Agropolitan Project In Eradicating Poverty: Multidimensional Poverty Index. *Planning Malaysia*, 16(7).
- Mohamed, S. A. R, Mohd, F. M. H, Ariffin, M. S., & Noraini, I.(2011). Poverty Measurement In Malaysia: A Survey Of The Literature. *Akademika*, 81(1).
- Mohd, S. Z. N., Siti, H. C. M, & Roslan, A. H.(2013). Impak Kredit Mikro Ketaksamaan Pendapatan Di Kalangan Sahabat Amanah Ikhtiar. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 47(1), 75-86.
- Maria, E. S., & Sabina, A. (2011). Training Material For Producing National Human Development Reports. MPI: Construction And Analysis. Oxford: Oxford Poverty And Human Development Initiative.
- Ministry Of Economic Affairs, Federal Government Administrative Centre, (2018) Mid Term Review Of The Eleventh Malaysia Plan 2016-2020. Kuala Lumpur Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Moonansingh, C. A., Wallace, W. C., & Dialsingh, I. (2019). From Unidimensional To Multidimensional Measurement Of Poverty In Trinidad And Tobago: The Latent Class Analysis Of Poverty Measurement As An Alternative To The Financial Deprivation Model. *Poverty & Public Policy*, 11(1-2), 57-72.
- Mohd Ayop Abd Razid (2013). *Kejayaan Malaysia Dalam Program Basmi Kemiskinan*. Jabatan Penerangan Malaysia. Putrajaya
- Muhammad Yunus. (2007) *Creating a world without poverty: Social business and the future of capitalism*. New York, Public Affairs.
- Nurazynie, B. H. (2019). *Kemiskinan Multidimensi: Pengkategorian Kemiskinan Golongan B40 Di Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang* (Master Thesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia). Retrieved From <https://Ethesis.Usm.My/Jspui/Handle/123456789/9718>.
- Nair, S., & Sagar, S. (2015). Poverty In Malaysia: Need For A Paradigm Shift. *Institutions And Economies*, , 95-123. Retrieved From <https://Ijie.Um.Edu.My/Article/View/5020>
- Othman, C. J. & Hamidi, I. (2019). Kerangka Konseptual Kajian Kemiskinan Hidup Isirumah Miskin Dari Perspektif Teori Kemiskinan Hidup. *Journal Of Techno Social*, 11(2), 017-027. <https://Doi.Org/10.30880/Jts.2019.11.02.001>
- Parthiban, S. P. (2018). Poverty measurement revisited from a multidimensional perspective among Universiti Sains Malaysia's B40 poor students. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4).
- Ravallion, M. (2019). *Ethnic Inequality And Poverty In Malaysia Since 1969* (No. W25640). National Bureau Of Economic Research.
- Rowntree, S. (1901). *Poverty : A Study Of Town Life*. London: Macmillan.
- Rachel Nishimwe-Niyimbanira (2019): *Income Poverty Versus Multidimensional Poverty: Empirical Insight From Qwaqwa*, *African Journal Of Science, Technology, Innovation And Development*, DOI: 10.1080/20421338.2019.1638585

- Rajah, R., Norma, M. & Chandran, VGR.(2015). Royal Professor Ungku Abdul Aziz: A Key Pillar In Malaysia's Development. *Institutions And Economies*. 7(3), 1-19.
- Rohwerder, B. (2016). *Poverty And Inequality: Topic Guide*. Birmingham, UK: GSDRC, University Of Birmingham.
- Sen, A. K. (1981). *Poverty And Famines: An Essay On Entitlement And Deprivation*. Oxford: Oxford University Press
- Sen, A. (2000). 'A Decade Of Human Development'. *Journal Of Human Development*, 1(1), 17-23.
- Seyed Hossein Mohaqeqi Kamal, Gholamreza Ghaedamini Harouni, Mehdi Basakha & Sara Makki Alamdari (2019) Multidimensional Child Poverty Index In Iran: Distribution Of Deprivation Across Provinces, *Journal Of Poverty*, 23:4, 353-364, DOI: 10.1080/10875549.2019.1596195
- Santos, M. E., & Alkire, S. (2011). *Training Material For Producing National Human Development Reports. MPI: Construction And Analysis*. Oxford: Oxford Poverty And Human Development Initiative.
- Satterthwaite, D. (2004). *The Under-Estimation Of Urban Poverty In Low- And Middle-Income Nations (Pp. 35-37, Rep.)*. International Institute For Environment And Development. Retrieved April 22, 2021, From [Http://Www.Jstor.Org/Stable/Resrep01810.10](http://www.jstor.org/stable/resrep01810.10)
- Stiglitz, J. E. (2016). *Inequality And Economic Growth*.
- Stewart, F. (2010). *Horizontal Inequalities As A Result Of Conflict: A Review Of CRISE Findings (Overview, No. 1*. Oxford: Centre For Research On Inequality, Human Security And Ethnicity.
- Sanjaya, B. (1998). Mahbub Ul Haq And Human Development: A Tribute. *Economic And Political Weekly*, 2275-2279.
- Sonia, K. S., & Doris, P. S., (2011). Analisis Human Development Index Malaysia. *Prosiding PERKEM*, 2(2011), 363-369.
- Talib, K. A. (2016). *Dilemma Kemiskinan: Falsafah, Budaya Dan Strategi (Poverty Dilemma: Philosophy, Culture And Strategies)*. *Akademika*, 86(2).
- Townsend, P. (1979). *Poverty In United Kingdom: A Survey Of Household Resources Andstandards Of Living*. London: Penguin.
- UNESCO. 2016. *Learning To Live Together: Poverty*. [Http://Www.Unesco.Org/New/En/Socialand-Human-Sciences/Themes/Internationalmigration/Glossary/Poverty/](http://www.unesco.org/new/en/socialand-human-sciences/themes/internationalmigration/glossary/poverty/)
- United Nations. (2020). *Human Development Report 2020–The Next Frontier: Human Development And The Anthropocene*.
- World Health Organization. (2019). *Water, Sanitation, Hygiene And Health: A Primer For Health Professionals (No. WHO/CED/PHE/WSH/19.149)*. World Health Organization.
- Walker, R. (2015). *Multidimensional Poverty*. Gsdrc Professional Development Reading Pack No. 22. [Www.Gsdrc.Org](http://www.gsdrc.org)
- World Health Organization. (2018). *WHO Housing And Health Guidelines*.
- Yaacob, H. (2009). *Empowering The Poor: Towards An Improved Socio-Economic Wellbeing*. Retrieved From [Http://Yaacob.Wordpress.Com](http://Yaacob.Wordpress.Com).
- Zanariah, A. M. (2019). Nilai Semula Kadar Kemiskinan Negara Pelapor Khas PbbSinar Harian. Nilai Semula Kadar Kemiskinan Negara - Pelapor Khas PBB (Bharian.Com.My)